

## TERMA DAN SYARAT PERADUAN #JejakPLUS - Satu Laluan, Seribu Cerita

### 1. PENGANJUR

- 1.1. Peraduan #JejakPLUS - Satu Laluan, Seribu Cerita (“Peraduan”) ini dianjurkan oleh Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (“Penganjur”).

### 2. TEMPOH PERADUAN

- 2.1. Peraduan ini akan berlangsung dari 15 Mei 2026 hingga 15 Januari 2027 dan dibahagikan kepada pusingan bulanan, di mana setiap pusingan bermula pada 15 haribulan dan berakhir pada 15 haribulan bulan berikutnya, tertakluk kepada pusingan terakhir yang berakhir pada 15 Januari 2027 (“Tempoh Peraduan”).
- 2.2. Pihak Penganjur berhak untuk memendekkan atau melanjutkan Tempoh Peraduan tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu. Penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan tamat adalah dianggap terbatal.

### 3. KELAYAKAN

- 3.1. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas termasuk kakitangan Penganjur (kecuali kakitangan Jabatan Komunikasi Strategik & Pengalaman Pelanggan) serta mana-mana pihak yang terlibat secara langsung dalam penganjuran Peraduan ini.

### 4. CARA PENYERTAAN

- 4.1. Peraduan ini mempunyai dua (2) kategori penyertaan iaitu (i) video; dan (ii) gambar.
- 4.2. Peserta perlu memuat naik video atau gambar di platform Instagram persendirian berdasarkan **tema bulanan** yang diumumkan oleh Penganjur. Penyertaan harus menggambarkan pengalaman perjalanan di sepanjang **rangkaian Lebuhraya Utara-Selatan atau Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2)** dan tidak terhad kepada tema berikut:
  - a. makanan;
  - b. pemandangan; atau
  - c. keluarga
- 4.3. Peserta hendaklah memuat naik video atau gambar penyertaan ke akaun Instagram persendirian dengan hashtag rasmi **#JejakPLUS – Satu Laluan, Seribu Cerita** berserta kapsyen dan memastikan akaun tersebut berada dalam tatapan awam (*public*) sehingga tamat Tempoh Peraduan atau sehingga proses penilaian selesai, yang mana terkemudian bagi tujuan penjurian.
- 4.4. Bagi kategori video, video yang dimuat naik mestilah berdurasi maksimum 60 saat.
- 4.5. Bagi memastikan sesuatu penyertaan dianggap sah dan layak untuk dinilai, Peserta hendaklah memenuhi semua syarat berikut:
  - a. mengikuti akaun Instagram rasmi Penganjur;
  - b. menandakan @plus\_malaysia dalam hantaran penyertaan;
  - c. menyertakan hashtag rasmi Peraduan dalam kapsyen;

## TERMA DAN SYARAT PERADUAN #JejakPLUS - Satu Laluan, Seribu Cerita

- d. menyertakan kapsyen yang relevan; dan
  - e. mematuhi semua terma dan syarat yang ditetapkan oleh Penganjur dari semasa ke semasa.
- 4.6 Setiap penyertaan mesti disertakan kapsyen yang menarik dan relevan dengan visual dengan menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- 4.7 Kriteria Penilaian
- a. Kreativiti visual dan kapsyen.
  - b. Setiap penyertaan akan dinilai oleh panel juri yang terdiri daripada pihak Penganjur.
  - c. Keputusan Penganjur adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

### 5 SYARAT PENYERTAAN

- 5.1 Tiada had maksimum penyertaan bagi setiap akaun Instagram; namun hanya satu hantaran akan dipilih bagi setiap peserta setiap bulan.
- 5.2 Semua penyertaan mestilah sesuai untuk tatapan awam. Kandungan lucu, provokatif, berkaitan politik, menyinggung perasaan, menyalahi undang-undang, atau melanggar hak mana-mana pihak tidak akan diterima. Penganjur berhak menentukan apa yang dianggap sebagai kandungan tidak sesuai.
- 5.3 Memastikan tiada sempadan/bingkai/tanda air/tandatangan/notis hak cipta dibenarkan pada gambar. Penambahan atau penggantian elemen dalam gambar juga tidak dibenarkan.
- 5.4 Semua penyertaan yang dihantar mestilah asli (video/gambar dan kapsyen). Peserta menjamin bahawa mereka adalah pencipta dan pemegang hak cipta bagi video/gambar dan kapsyen tersebut dan bahawa penyertaan tersebut tidak melanggar mana-mana hak pihak ketiga termasuk hak harta intelek, privasi atau kerahsiaan.
- 5.5 Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju terikat dengan terma dan syarat ini serta bersetuju untuk membenarkan penyertaan mereka dipaparkan bagi apa-apa tujuan kini atau pada masa hadapan di semua platform elektronik dan bukan elektronik Penganjur tanpa bayaran atau pampasan dan Peserta dengan ini memberikan kepada Penganjur suatu lesen tidak eksklusif, kekal, seluruh dunia, bebas royalti untuk menggunakan, menerbitkan, memaparkan dan mengedarkan penyertaan tersebut bagi tujuan berkaitan Peraduan dan promosi.
- 5.6 Penganjur juga berhak membuat dan menyimpan salinan penyertaan bagi tujuan arkib. Kredit gambar akan diberikan kepada Peserta seperti dalam penyertaan.
- 5.7 Selain itu, Penganjur juga tidak bertanggungjawab terhadap: (i) penyertaan yang tidak lengkap atau lewat, atau (ii) sebarang tindakan, kegagalan bertindak, atau kelewatan dalam penghantaran atau pemprosesan penyertaan.
- 5.8 Penganjur berhak membatalkan mana-mana penyertaan yang disyaki bukan karya asli atau tidak mematuhi terma dan syarat ini termasuk sekiranya terdapat unsur penipuan,

## TERMA DAN SYARAT PERADUAN #JejakPLUS - Satu Laluan, Seribu Cerita

manipulasi atau ketidakpatuhan kepada mana-mana undang-undang. Jika pemenang dibatalkan atau didapati tidak layak, pemenang alternatif akan dipilih berdasarkan kriteria penilaian yang sama. Pemenang alternatif tertakluk kepada semua syarat yang ditetapkan.

### 6 KRITERIA PEMENANG

- 6.1 Pemenang akan dipilih berdasarkan merit artistik dan pematuhan kepada terma dan syarat ini. Keputusan adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan. Tiada sebarang rayuan akan dilayan.

### 7 PEMENANG & HADIAH

- 7.1 Dua (2) orang pemenang akan dipilih setiap bulan.
- 7.2 Bagi setiap pusingan bulanan, dua (2) pemenang yang dipilih oleh Penganjur akan masing-masing menerima satu (1) baucar barangan runcit bernilai RM100.
- 7.3 Pemenang akan dihubungi melalui *direct message* Instagram dalam tempoh 2–3 minggu selepas Tempoh Peraduan. Sekiranya pemenang yang dihubungi tidak memberi maklum balas dalam tempoh 48 jam, Penganjur berhak memilih pemenang lain atau membatalkan hadiah tersebut.
- 7.4 Penganjur berhak untuk meminta sebarang dokumen atau bukti bagi tujuan pengesahan kelayakan pemenang sebelum penyerahan hadiah.
- 7.5 Pemenang tidak berhak memilih hadiah. Penganjur berhak menukar hadiah yang ditawarkan kepada hadiah lain yang sama nilainya. Kegagalan menerima hadiah akan menyebabkan hadiah tersebut ditarik balik.
- 7.6 Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap kualiti atau kesesuaian hadiah. Pemenang tidak boleh membuat sebarang tuntutan berkaitan perkara tersebut.

### 8 LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB

- 8.1 Penganjur, syarikat-syarikatnya yang berkaitan dan bersekutu serta agensinya dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan Peraduan menafikan sebarang dan semua liabiliti yang timbul daripada Peraduan ini dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan (termasuk tanpa had, kehilangan tidak langsung, khas atau akibat atau kehilangan keuntungan, kerugian jangkaan, kerugian pendapatan, ganti rugi teladan), perbelanjaan, kerosakan, kecederaan peribadi atau kematian yang dialami (sama ada yang timbul daripada mana-mana kecuai orang atau tidak) yang timbul daripada sebarang penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, penebusan dan/atau penggunaan hadiah, kecuali bagi sebarang liabiliti yang tidak boleh dikecualikan daripada undang-undang (yang mana liabiliti tersebut adalah terhad kepada jumlah minima yang dibenarkan oleh undang-undang).
- 8.2 Dengan menyertai Peraduan ini, semua Peserta bersetuju untuk mempertahankan, menanggung rugi dan meletakkan Penganjur selamat daripada dan terhadap sebarang

## TERMA DAN SYARAT PERADUAN #JejakPLUS - Satu Laluan, Seribu Cerita

saman, tuntutan, kerugian, kerosakan dan perbelanjaan, termasuk fi guaman yang munasabah yang mungkin timbul daripada atau dalam hubungan dengan Peraduan.

- 8.3 Peserta haruslah bertanggungjawab dan menanggung liabiliti penuh terhadap sebarang tuntutan, liabiliti, prosiding, kos dan perbelanjaan yang mungkin dihadapi oleh pihak Penganjur berkaitan atau berbangkit daripada penyertaan pelanggan dalam Peraduan ini (termasuk dan tidak terhad kepada kejadian tidak dijangka, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) kerana menyertai Peraduan, penebusan dan/atau penggunaan hadiah. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, peristiwa, kerugian, kerosakan, tuntutan atau kemalangan yang tidak diduga (termasuk kematian) dalam apa jua situasi.
- 8.4 Peserta juga bersetuju bahawa pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan, kecederaan kepada Peserta dan/atau kerosakan komputer atau telefon bimbit Peserta dan/atau mana-mana pihak ketiga, sistem komputer atau peralatan yang berkaitan dengan atau akibat daripada akses kepada, penyertaan Peraduan ini, termasuk memainkan atau memuat turun sebarang bahan atau maklumat daripada laman web Penganjur dan berkaitan dengan Peraduan, penghantaran/muat naik informasi untuk Peraduan, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana kegagalan pelayan (*server*), kehilangan, kelewatan, kerosakan data atau kerosakan lain.
- 8.5 Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kelewatan dan/atau kegagalan untuk menerima penyertaan kerana ketidakcekapan dari penyedia perkhidmatan Internet (*Internet Service Provider*) dan/atau rangkaian telekomunikasi yang digunapakai oleh pelanggan untuk menyediakan perkhidmatan internet dan/atau telekomunikasi yang tepat pada masanya dan/atau cekap.

## 9 HAK PENGANJUR

- 9.1 Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju tidak akan menuntut, menggunakan atau mengeksploitasi penyertaan tersebut bagi sebarang tujuan dengan apa-apa cara pada bila-bila masa. Setiap Peserta juga bersetuju bahawa Penganjur berhak untuk menerbitkan, memaparkan dan menggunakan nama dan/atau video-video Peserta dan/atau para pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau publisiti tanpa memberi apa-apa bentuk ganjaran atau bayaran atau pampasan dan tanpa notis terlebih dahulu dan seterusnya bersetuju bahawa dengan menyertai Peraduan ini, peserta dan/atau pemenang mengenyahkan semua hak yang berkaitan dengan video/sebarang muatan yang mereka telah sertakan untuk Peraduan ini. Peserta tidak berhak untuk menuntut pemilikan, hak harta-intelek, atau lain-lain bentuk pampasan terhadap bahan-bahan tersebut.
- 9.2 Dengan menyertai Peraduan ini, setiap Peserta adalah dianggap telah membaca, memahami semua terma dan syarat Peraduan ini dan bersetuju sepenuhnya dan tanpa syarat untuk terikat dengannya (sama ada bila diubah atau berubah). Penganjur berhak untuk meminda Terma dan Syarat ini dimana perlu atas sebab undang-undang, teknikal atau komersil dan sebarang pindaan yang sedemikian akan berkuatkuasa apabila dipaparkan di laman web Penganjur. Sila semak terma dan syarat ini setiap masa untuk melihat jika terdapat sebarang perubahan.

## TERMA DAN SYARAT PERADUAN #JejakPLUS - Satu Laluan, Seribu Cerita

- 9.3 Penganjur berhak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Peraduan ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu sekiranya Peraduan tidak boleh dijalankan seperti yang dirancang, diganggu secara teknikal atau dirosakkan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan Penganjur, walaupun selepas usaha terbaik oleh Penganjur. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.
- 9.4 Sebarang terma dan syarat yang terpakai untuk Peraduan ini yang menyalahi undang-undang, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah sebarang undang-undang atau peraturan, akan tidak lagi terpakai (tanpa menjejaskan kesahihan peruntukan yang lain).
- 9.5 Penganjur berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Peraduan, operasi Peraduan ini atau melanggar Terma dan Syarat ini. Penganjur mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang Penganjur percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberi kesan negatif kepada Peraduan ini.
- 9.6 Setiap Peserta bersetuju bahawa beliau telah membaca, memahami dan menerima Terma dan Syarat Peraduan ini dengan penyertaan dalam Peraduan ini. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan Peraduan ini, sila hubungi pentadbir melalui mesej terus di media sosial rasmi Instagram Penganjur.
- 9.7 Terma dan syarat yang ditetapkan untuk Peraduan ini adalah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.
- 9.8 Semua keputusan yang dikeluarkan Penganjur berkaitan Peraduan ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Peserta, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

## 10 POLISI DATA PERIBADI

- 10.1 Dengan menyertai Peraduan ini, semua Peserta dan pemenang bersetuju memberi keizinan kepada Penganjur dan/atau anak syarikat dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur, sekiranya ada, untuk mengumpul, merekod, memproses dan menggunakan data peribadi dan butiran penyertaan mereka oleh Penganjur dan/atau anak syarikat dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan/atau pihak ketiga terhadap pengendalian Peraduan dan bagi apa-apa proses atau publisiti tanpa sebarang notis.
- 10.2 Semua Peserta dan pemenang juga adalah dianggap bersetuju terhadap semua Polisi Data Peribadi, Polisi Privasi PLUS, Terma dan Syarat dan keputusan Penganjur dengan menyertai Peraduan ini. (Untuk Polisi Privasi lengkap Penganjur, sila rujuk pautan di laman web Penganjur di <https://bitly.cx/HH4Pw>).

## TERMA DAN SYARAT PERADUAN #JejakPLUS - Satu Laluan, Seribu Cerita

### 11 PELEPASAN INSTAGRAM

- 11.1 Instagram tidak mempunyai sebarang penglibatan dengan peraduan ini sama ada dari segi tajaan, atau penyeliaan. Instagram juga tidak terikat dengan apa-apa perjanjian dengan Peserta.
- 11.2 Peraduan ini tidak ditaja, disokong atau ditadbir oleh Instagram dan Instagram tidak bertanggungjawab ke atas Peraduan ini

### 12 PENERIMAAN DAN PEMAKAIAN TERMA DAN SYARAT

- 12.1 Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat di atas.
- 12.2 Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Peraduan ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Peraduan yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini adalah bergantung kepada budi bicara pihak Penganjur.

- TERMA DAN SYARAT INI PERADUAN TAMAT-